

SENTRAL

FOTO: Rosli Talib



Ismail (dua, kiri) menyaksikan penyerahan sijil Konsortium Orang Asli Bhd pada majlis Perasmian Penutup Konvensyen Hala Tuju Koperasi Orang Asli, semalam.

HUBUNGI SKUAD SENTRAL NUR FARHANA ABDUL MANAN - 019-6680275, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIRON - 019 - 6680261

Peruntukan RM20 juta untuk JAKOA

KLANG - Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) memperuntukkan RM20 juta kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) dalam usaha melahirkan 600 usahawan melalui koperasi di bawah jabatan berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, peruntukan tersebut adalah untuk membangunkan usahawan serta diberikan kepada koperasi untuk tujuan pembangunan.

"Melalui peruntukan ini, saya mahu melihat koperasi masyarakat Orang Asli ditingkatkan dan tidak selama-lamanya menjadi koperasi

mikro.

"Ia mesti mempunyai petunjuk prestasi utama (KPI) dalam meningkatkan koperasi mikro kepada kecil, kecil kepada sederhana dan sederhana juga perlu ditingkatkan menjadi koperasi lebih besar," kata-

nya. Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan penutup konvensyen Orang Asli peringkat kebangsaan 2018, di Hotel Aliya, di sini, semalam.

Pada masa sama, menurutnya, pada ketika ini terdapat sejumlah 94 koperasi masyarakat Orang Asli di

seluruh negara dengan jumlah 13,599 ahli.

"Sejumlah 88 koperasi berstatus koperasi mikro dengan pendapatan kurang daripada RM200,000.

"Dua lagi berstatus koperasi kecil dan sederhana dengan masing-masing berpendapatan RM200,000 hingga RM1 juta dan RM1 hingga RM5 juta," katanya.

Ismail juga berharap konvensyen itu menjadikan usahawan lebih mempunyai hala tuju jelas dari segi membangunkan koperasi, mengurus koperasi secara lebih profesional dan lebih tersusun mengikut struktur perniagaan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia